# Pindaan Perlembagaan: Mahathir tolak tuduhan

KUALA LUMPUR, Jumaat -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak tuduhan bahawa hanya Presiden dan Timbalan Presiden Umno sahaja yang inginkan pindaan Perlembagaan Negara dibuat baru-baru ini, tanpa mendapat restu daripada majoriti ahli Umno atau memberi peluang kepada parti membincangkan perkara itu terlebih dahulu.

Sebaliknya, tegas beliau, majlis-majlis penerangan mengenai soul itu yang dibanjiri oleh ahli-ahli Umno dun orang Melayu serta bukan Melayu yang menjadi penyokong Barisan Nasional membuktikan tidak siapa boleh tncnuduh bahawa pindaan itu dibuat tanpa mendapat restu daripada majoriti ahli Umno.

Sebenarnya, jelas beliau, Perlembagaan Malaysia telah dipinda berkali-kali. Antaranya pindaan yang telah diluluskan ialah pemisahan Singapura.

"Pemisahan mana-mana wilayah Malaysia dilarang oleh Perlembagaan. Ia memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja terlebih dahulu dan sudah tentu parti patut diberitahu; jika tidakpun diberi peluang membahas.

"Tetapi seperti kita maklum, tidak ada sebarang rujukan' atau rundingan. Setiausaha Agung Umno ketika itu meletak jawatan kerana membantah cara keputusan pemisahan Singapura dibuat," jelas Presiden Umno itu.

Bagaimanapun, jelas Perdana Menteri, pindaan perlembagaan yang dibuat baru-baru ini tidak sebesar pemisahan Singapura, tidak bertentangan dengan perlembagaan dan tidak memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja.

## Kepentingan

"Mengungkit ioal peraturan cuma dibuat kerana kepentingan lain atau kerana sengaja hendak mencari salah," tambahnya.

Katanya, memang ada pemimpin-pemimpin Umno yang agak tidak begitu berminat dengan pindaan yang telah dibuat.

"Ini adalah perkara biasa tetapi seperti mana mereka mengungkit soal peraturan, mereka juga patut mengikut peraturan dalam tindak-tanduk mereka.

"Jika ahli-ahli yang tidak bersetuju berpendapat bahawa pindaan ini perlu dirujukkan kepada Umno terlebih dahulu, kenapakah mereka sendiri tidak merujuk kepada Umno sebelum mereka membuat kenyataan umum dan berpakat dengan orang-orang di luar parti untuk menghalang tindakan yang diambil oleh pemimpin yang dipilih oleh parti?."

Perdana Menteri bertanya apakah orang yang tidak dipilih lebih berhak daripada orang yang dipilih? Jika benar di mana duduknya demokrasi dalam parti?.

"Apabila saya membuat salah dahulu, saya disingkirkan. Hari ini saya memimpin parti tetapi kita tidak menyingkir orang yang membuat salah kepada parti. Siapakah yang lebih demokratik dan siapakah 'yes man' ?", soal beliau.

Bagaimanapun, beliau bersyukur kerana isu pindaan Perlembagaan itu bukan sahaja telah menjadi sejarah dan telah mencapai matlamatnya, tetapi juga kerana Umno masih bersatu padu.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan perjuangan untuk menghilangkan keraguan tentang kuasa rakyat dan kuasa raja telah selesai.

"Kita' telah tentukan bahawa akhirnya rakyat yang berhak membuat undang-undang yang mempunyai kesan terhadap mereka," tegas beliau.